

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 27 MAC 2024
AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 37

Lebih 2 juta cubaan menggodam PADU

Lebih 2 juta cubaan menggodam PADU

Namun tidak berjaya tembusi ciri keselamatan PADU

Oleh DIANA AZIS
KUALA LUMPUR

Kementerian Ekonomi mendedahkan lebih dua juta cubaan menembusi ciri keselamatan sistem Pangkalan Data Utama (PADU) pada bulan pertama ia diperkenalkan.

Bagaimanapun, Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli menjelaskan, setakat ini tiada pihak yang berjaya ekoran ciri-ciri keselamatan PADU mematuhi piawaian global termasuk komponen keselamatan rangkaian.

Beliau berkata, tiga komponen utama keselamatan data ditampilkan PADU antaranya membabitkan pelaksanaan kawalan akses capaian serta penyulitan (*encrypted*).

"Setiap data didaftarkan di PADU adalah *encrypted* ber maksud walaupun ada yang berjaya memecah masuk dan memuat turun fail, ia perlu dinyahsulitkan."

"Kecuali penggodam itu guna super komputer yang boleh menyahsulitkan data, tetapi ia sesuatu yang merapu," katanya ketika sidang Dewan Rakyat pada Selasa.

Beliau menjawab soalan Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail (PH-Bandar Tun Razak) mengenai langkah kawalan data PADU daripada disalahgunakan.

Rafizi yang juga Ahli Parlimen



Rafizi ketika sesi soal jawab Pertanyaan-Pertanyaan Jawab Lisan pada Sidang Dewan Rakyat di Bangunan Parlimen pada Selasa.

Pandan menegaskan, sistem itu tidak dibenarkan diakses dari luar negara dan lokasi akan dikategorikan berisiko berdasarkan rekod cubaan akses kebanyakannya dari luar Malaysia. "Insya-ALLAH kaedah dinyatakan akan memastikan keselamatan PADU daripada penyalahgunaan selain memastikan tiada keciciran berlaku dalam pendaftaran," ujarnya.

Sementara itu mengenai pendaftaran, Rafizi berkata, seramai lapan juta warga tempatan berumur 18 tahun ke atas sudah mendaftar setakat jam 11.59 malam Isnin.

"Jumlah itu mewakili 36.8 peratus daripada keseluruhan dengan mengunjurkan pendaftaran akan mencapai 50 peratus berdasarkan kadar pendaftaran antara 350,000 hingga 400,000 sehari menjelang 31 Mac depan," katanya.

Dalam pada itu, Rafizi menafikan spekulasi berlaku kurang kepercayaan terhadap kerajaan menjadi punca jumlah pendaftaran masyarakat bukan Melayu dalam sistem berkenaan rendah.

"Sebahagian besar golongan berkenaan tidak biasa menerima bantuan daripada kerajaan secara bulanan.

"Sebab itu mereka tidak banayak (mendaftar) berada dalam sistem kerajaan. Mereka merasakan berada dalam golongan M40 dan ke atas, maka tidak layak menerima apa-apa bantuan.

"Itulah sebabnya, bukan sebab *trust deficit* (kurang kepercayaan)," katanya.

Beliau berkata demikian bagi menjawab soalan tambahan Ahmad Fadli Shaari (PN-Pasir Mas) mengenai faktor orang bukan Melayu kurang mendaftar PADU dan adakah berpunca daripada kurang kepercayaan dalam kalangan mereka.

Sebelum ini Rafizi membangkitkan keimbangan mengenai jumlah pendaftaran rakyat Malaysia dalam sistem PADU masih rendah terutama penduduk di Lembah Klang dan bukan Melayu.

Rafizi turut memaklumkan, berlaku peningkatan mendadak dalam pendaftaran hingga melepas lapan juta setakat Isnin.